

JABATAN KEHAKIMAN MALAYSIA,
MAHKAMAH PERSEKUTUAN,
JALAN RAJA,
KUALA LUMPUR.

Rujukan: (77) dlm. JK/IP.39/54-A.

Tarikh: 29hb. Julai, 1981.

Penolong Kanan Pendaftar,

Mahkamah Tinggi,
.....

Yang Di Pertua,

Mahkamah Sesyen,
.....

Majistret,

Mahkamah Majistret,
.....

Dato'/Tuan/Puan,

PEKELILING PENDAFTAR BIL.A - 10/1981

Aturcara Kenaikan Gaji Tahunan/Melangkah Sekatan Kecekapan.

Adalah saya merujuk kepada perkara yang tersebut diatas dan memaklumkan bahawa aturcara kenaikan gaji tahunan/melangkah sekatan kecekapan yang diamalkan pada masa sekarang ini adalah secara otomatis dengan penyediaan terus Laporan Perubahan (Kew.8) tanpa apa-apa perakuan dan sokongan

ketua-ketua pejabat atau bahagian yang berkenaan. Aturcara yang sedemikian ini adalah didapati tidak berapa teratur dimana sedikit sebanyak secara tidak langsung akan melibatkan sikap dan juga mutu pekerjaan seseorang pegawai dan kakitangan itu lama kelamaan kian merosot.

2. Dengan yang demikian, Ibu Pejabat ini telah merangka satu sistem baru mengenai aturcara pemberian kenaikan gaji tahunan terhadap tiap-tiap pegawai dan kakitangan dimana Ketua-Ketua Pejabat atau Ketua-Ketua Bahagian adalah dikehendaki membuat perakuan sama ada pegawai/kakitangan itu layak atau tidak untuk mendapat kenaikan gaji tahunannya atau melangkah sekatan kecekapan dimana yang berkenaan. Tujuan sistem atau aturcara kenaikan gaji tahunan ini adalah untuk memastikan yang tiap-tiap pegawai dan kakitangan itu, mempunyai sikap ingin berusaha, bekerja dengan lebih baik dan mempertingkatkan lagi mutu pekerjaan dari masa kesemasa kerana kenaikan gajinya yang akan diperolehinya kelak adalah bergantung kepada sikap dan mutu pekerjaannya.

3. Perakuan-perakuan tersebut hendaklah dengan menggunakan format yang dikembarkan bersama-sama surat ini. Jika sekiranya terdapat sebarang sebab bahawa kenaikan gaji atau kelayakan melangkah sekatan kecekapan seseorang pegawai itu tidak dapat diperakukan, maka tuan adalah dikehendaki menyatakan sebab-sebabnya secara berasingan.

4. Perakuan-perakuan hendaklah dibuat di dalam dua salinan dan hendaklah dikemukakan (salinan asal) bersama-sama dengan Laporan Perubahan (Kew.8) supaya sampai ke Ibu Pejabat ini dua bulan sebelum tarikh kenaikan gaji atau tarikh kelayakan melangkah sekatan kecekapan pegawai berkenaan. Disamping itu perlu dinyatakan di sini bahawa tiap-tiap Laporan Perubahan (kew.8) yang berkaitan dengan gaji hendaklah dicatitkan terikhnya, jumlah

gaji, dan elaun-elaun yang pegawai berkenaan berkeelayakan menerimanya.

5. Oleh yang demikian mulai daripada tarikh surat ini semua pemberian kenaikan gaji atau melangkah sekatan kecekapan hendaklah mengikut sistem dan aturcara yang baru ini.

Sekian, terima kasih.

T.T.:

(SITI NORMA YAAKOB)

Ketua Pendaftar

Jabatan Kehakiman Malaysia,

Kuala Lumpur.

s.k.:

Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur.

Ketua Pegawai Pentadbir.

Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Persekutuan/Tinggi, Kuala Lumpur.

Pegawai Pentadbir.

Pegawai Pembangunan.

Pegawai Kerja Akaun I dan II.

Pegawai Kerja Am.

SA/za.

dan disokong/tidak disokong.

Saya yang menurut perintah,

(Nama dan Tandatangan)

Catitan:

* Potong yang mana tidak berkenaan.

Jika dan sekiranya terdapat sebarang sebab bahawa kenaikan gaji/Melangkah Sekatan Kecekapan itu tidak diperakukan dan disokong, sila nyatakan sebab-sebabnya secara berasingan.

SÄ/sm.